



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
National Defence University of Malaysia

Jabatan Pendaftar
Department of Registrar



Bangunan Canselori
Aras Bawah

Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur Malaysia

☎: 03-9051 3400
☎: 03-9058 1536

E-mel : pendaftar@upnm.edu.my
Laman Web : www.upnm.edu.my

Ruj. Kami : UPNM (P)01.03/06 Jld.2 (31)
Tarikh : 18 Februari 2020

Seperti Senarai Edaran

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan,

**EDARAN PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2020 –
PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG
LAYAK BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Merujuk perkara di atas dengan segala hormatnya.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftar telah mengeluarkan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2020 berkaitan Pemberian *Ex-Gratia* Kematian Sekaligus kepada Waris yang Layak bagi Anggota yang Meninggal Dunia dalam Perkhidmatan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

3. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling tersebut untuk makluman pihak Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan. Segala kerjasama Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Prof. Emeritus / Prof. / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI'

Saya yang menjalankan amanah,


SARINA BINTI ABDUL RANI

Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

SENARAI EDARAN

- 1) **YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Hj Abdul Halim bin Hj Jalal**
Naib Canselor
- 2) **YM Prof. Emeritus Dato' Dr. Tengku Mohd bin Tengku Sembok**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 3) **YBhg. Mej Prof. Ts. Dr. Muhd Zuazhan bin Yahya**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 4) **YBhg. Brig Jen Prof. Ir Dr. Hj. Norazman bin Mohamad Nor (Bersara)**
Memangku Tugas Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 5) **YBhg. Prof. Dato' Dr. Jesbil Singh @ Jasbir Singh Sandhu**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)
- 6) **YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi**
Penolong Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 7) **Encik Mohd Hairay bin Md Yusof**
Bendahari
- 8) **Encik Mohammed Dzulkarnain bin Abdul Karim**
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim
- 9) **Lt Kol Shahrul bin Sahusi (Bersara)**
Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
- 10) **Lt Kol Prof. Madya Ariffin bin Ismail (Bersara)**
Dekan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
- 11) **Kol Prof. Madya Dr. Khairol Amali bin Ahmad (Bersara)**
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
- 12) **Lt Kdr Dr. Mohd Norsyarizad bin Razali TLDM (Bersara)**
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
- 13) **YBhg. Brig Jen Prof. Datuk Dr. Hj. Adnan bin Hj. Abdullah**
Dekan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
- 14) **Prof. Madya Dr. Norhana binti Abdul Halim**
Pengarah, Pusat Asasi Pertahanan
- 15) **Lt Kol Dr. Muhammad Salim bin Muhammad Tufail (Bersara)**
Pengarah, Pusat Bahasa
- 16) **Prof. Dr. Aidy bin Ali**
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
- 17) **Prof. Dr. Mohar bin Kassim**
Pengarah, Akademi Kecergasan Pertahanan

- 18) **Kol Sofian bin Kamaruddin (Bersara)**
Felo Kanan
Pengarah, Institut Pengajian Eksekutif UPNM (*NIEEd*)
- 19) **Prof. Dr. Abdul Ghapor bin Hussin**
Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik
- 20) **Dr. Mohd Rizal bin Mohd Isa**
Pengarah / CIO, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- 21) **Prof. Madya Dr. Azizi bin Miskon**
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- 22) **Lt Kol Dr. Hj. (Ust) Daud bin Hj. Mohamed Salleh (Bersara)**
Pengarah, Pusat Islam
- 23) **Mejar Prof. Madya Ir. Dr. Razali bin Abidin (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan (*CODRAT*)
- 24) **Prof. Madya Dr. Dian Darina Indah binti Daruis**
Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Inovasi
- 25) **Prof. Madya Dr. Hj. Hasan Al-Banna bin Mohamed**
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan Data
- 26) **Prof. Dr. Jowati binti Juhary**
Pengarah, Penerbit UPNM
- 27) **YBhg. Prof. Dato' Dr. Hamzah bin Ahmad**
Pengarah, Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (*CDISS*)
- 28) **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus**
Pengarah, Pusat Pentropikalan (*Centre for Tropicalization*)
- 29) **Prof. Madya Kapt Ahmad Zaidi bin Sulaiman (Bersara)**
Pengarah, Pusat Pembangunan Pelajar
- 30) **Prof. Madya Mohd Hazali bin Mohamed Halip**
Pengarah, Pusat Keselamatan Siber (*Cyber Security*)
- 31) **Kol Jamal Rodzi bin Dahari (Bersara)**
Pengarah, Pusat Wilayah Undang-Undang Tentera dan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (*CoMIHL*)
- 32) **Mejar Prof. Madya Dr. Ahmad Azan bin Ridzuan (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana (*HADR*)
- 33) **Lt Kol Prof. Dr. Victor Feizal b Knight Victor Ernest @ Abd Shatar (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Pertahanan Kimia (*CHEMDEF*)
- 34) **Prof. Madya Dr. Sayuti bin Ab Ghani**
Pengarah, Pusat Pengurusan Wakaf

- 35) **Kept Prof. Dr. Hj. Zulkifly bin Mat Radzi TLDM (Bersara)**
Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Kecemerlangan Maritim
- 36) **YBhg. Dato' Mohamad Akhtar bin Ahmad Zainudin**
Felo Utama
Pengarah, Pusat Program Akademik – Industri dan Antarabangsa
- 37) **Dr. Firdaus bin Baharuddin**
Pusat Kesihatan UPNM
- 38) **Pn. Fazielah binti Mohamad**
Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar
- 39) **En. Mohd Fadhzil bin Zainol**
Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik
- 40) **En. Hairul Azuan bin Abas**
Pegawai Keselamatan Kanan, Jabatan Pendaftar
- 41) **Mejar Mohammad Sani bin Desa (Bersara)**
Pengurus Kenderaan, Jabatan Pendaftar



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (24)
Tarikh : 18 Februari 2020

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2020:
PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEMATIAN SEKALIGUS KEPADA WARIS YANG LAYAK
BAGI ANGGOTA YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN
DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Jabatan Pendaftar ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan pemberian *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

2.0 PENGENALAN

- 2.1 Dalam keadaan di mana seseorang pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan, faedah yang diberikan kepada tanggungan adalah turut tertakluk kepada opsyen yang dipilih. Bagi pegawai berpencen, faedah-faedah terbitan akan diberikan kepada pihak-pihak yang layak tertakluk kepada peruntukan Akta Pencen dan Pekeliling yang berkuat kuasa. Bagi pegawai yang memilih opsyen KSWP, faedah yang akan diterima oleh tanggungan adalah pengeluaran jumlah caruman yang telah dicarum sepanjang perkhidmatan pegawai dan majikannya serta beberapa faedah-faedah kewangan lain yang berkelayakan.
- 2.2 Berasaskan kepada senario semasa, terdapat waris kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan menerima faedah yang rendah bergantung kepada skim persaraan yang dipilih oleh pegawai tersebut
- 2.3 Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada.

3.0 TAFSIRAN

- a. “**anggota**” bermaksud pegawai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang berstatus tetap atau sementara:
- b. “**waris**” bermaksud
 - i. Balu atau duda iaitu suami atau isteri yang masih hidup kepada seseorang anggota yang meninggal dunia yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman:

dan / atau

- ii. Anak bermaksud anak kepada anggota yang meninggal dunia sepertimana ditafsirkan mengikut undang-undang pencen, sama ada anak kandung, anak angkat, anak tiri atau anak tak sah taraf:

dan / atau

- iii. Ibu bapa bermaksud ibu kandung kepada anggota yang meninggal dunia atau, jika ibunya telah meninggal dunia, bapa kandungnya.

4.0 PELAKSANAAN PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2019

- 4.1 Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan *ex-gratia* kematian sekaligus kepada waris yang layak bagi anggota yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan sebagai tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada dengan syarat-syarat kelayakan berikut:

- a. Anggota lantikan tetap atau sementara yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; dan
- b. Tarikh kematian anggota pada atau selepas 1 Januari 2020.

- 4.2 Jumlah pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris yang layak adalah berdasarkan julat tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira seperti jadual berikut:

BIL	TEMPOH PERKHIDMATAN (BULAN)	PEMBAYARAN <i>EX-GRATIA</i> KEMATIAN (RM)
1	≤60	150,000.00
2	61 – 120	100,000.00
3	121 – 180	75,000.00
4	181 – 240	50,000.00
5	≥241	Tiada

- 4.3 Walau bagaimanapun, *ex-gratia* kematian ini tidak diberikan kepada kes-kes kematian yang disahkan akibat daripada membunuh diri.
- 4.4 Pemberian ini tertakluk kepada apa-apa potongan ke atas hutang anggota kepada Kerajaan yang meninggal dunia tersebut. Pihak Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (selepas ini disebut “Jabatan ini”) bertanggungjawab meluluskan dan membayar *ex-gratia* kematian ini. Bagi anggota yang berpencen, pemberian *ex-gratia* kematian ini akan diuruskan bersekali dengan permohonan Faedah Terbitan yang dikemukakan oleh Jabatan akhir anggota.
- 4.5 Bagi kes kematian dalam perkhidmatan anggota yang memilih Skim KSWP atau anggota yang masih belum disahkan jawatan, jabatan perlu menguruskan permohonan *ex-gratia* kematian tersebut dengan mengemukakan borang Permohonan *Ex-Gratia* Kematian Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Borang JPA.BP.SPT.B01f) dan Sijil Akaun Berhutang (Borang JPA.BP.2) setelah diisi dengan lengkap oleh waris yang memohon. Penghantaran tersebut hendaklah disertakan dengan salinan dokumen sokongan yang disenaraikan pada borang yang sama ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

- 4.6 Pemberian *ex-gratia* kematian kepada waris-waris yang layak adalah berasaskan kepada prinsip bayaran berikut:
- a. 1/10 kepada ibu / bapa dengan mendahulukan ibu; dan
 - b. 9/10 mengikut pembahagian syer seperti berikut:
 - i. Duda / setiap balu : 2 bahagian
 - ii. Setiap anak : 1 bahagian
- 4.7 Bilamana keadaan tiada waris yang layak di para a, keseluruhan pemberian *ex-gratia* kematian akan diberikan kepada waris-waris di para b, dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya tiada waris-waris yang layak di para 2.6, tiada pemberian *ex-gratia* kematian akan dibayar.
- 4.8 Jika *ex-gratia* kematian diberikan kepada mana-mana waris yang layak mengikut prinsip bayaran yang ditetapkan, dan kemudiannya seorang atau lebih orang-orang yang layak membuat tuntutan untuk pemberian *ex-gratia* kematian tersebut, pemberian *ex-gratia* kematian yang telah dibuat sebelum tarikh tuntutan waris yang baru hendaklah disifatkan menjadi sah dan dibuat oleh Kerajaan dengan sempurna.
- 4.9 Dalam hal berlakunya pertikaian (*dispute*) terhadap pemberian *ex-gratia* kematian, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berhak untuk menentukan pihak yang sepatutnya diberi *ex-gratia* kematian dan kadarnya. Penentuan ini adalah muktamad.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia adalah dicadangkan dilaksanakan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

6.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bilangan 1 Tahun 2020.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) UPNM Kali Ke-41 Bilangan 1 Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


SARINA BINT ABDUL RANI

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia